



HARGA minyak beri impak terhadap kos sara hidup rakyat terutama B40.

### PSP DITUNDA

# Risau kos hidup **naik**

#### Georgetown

**P**enangguhan pelaksanaan Program Subsidi Petrol (PSP) kerana kerajaan bimbang pengapungan harga akan menyebabkan kenaikan kos sara hidup rakyat, kata Menteri Kewangan Lim Guan Eng.

Beliau berkata, kerajaan Pakatan Harapan (PH) prihatin kos sara hidup kerana harga minyak memberi impak terhadap kos sara hidup rakyat khususnya B40.

"Itu yang menyebabkan kita (kerajaan) berhati-hati melaksanakan PSP. Itu yang kita nak bincang kerana apabila pengapungan, harga minyak dijangka naik," katanya selepas mengadakan tinjauan hari pertama penurunan kadar tol di Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (JSAHMS) di Georgetown, semalam.

Beliau berkata, bukan sahaja pengguna atau rakyat biasa, tetapi ahli perniagaan juga menzahirkan kebimbangan menge-

nai kesan pengapungan harga minyak, sungguhpun satu atau dua sen seminggu.

Isnin lalu, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna **Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail** mengumumkan pelaksanaan PSP yang dijadualkan bermula Januari 2020 ditangguhkan ke satu masa yang akan diumumkan kemudian.

Pada 7 Oktober lalu, kerajaan mengumumkan pelaksanaan PSP bermula Januari 2020 sesuai dengan manifesto PH.

Kerajaan memperuntukkan RM2.4 bilion bagi PSP dalam Belanjawan 2020 dengan lapan juta penerima terdiri daripada kelompok B40 dan M40 akan mendapat manfaat.

Mereka yang layak akan diberikan subsidi petrol RM30 sebulan untuk pemilik kereta atau RM12 sebulan untuk pemilik motosikal yang disalurkan dalam bentuk pemindahan tunai dan dikreditkan terus ke akaun bank penerima setiap empat bulan. - Bernama